



DASAR PENCEGAHAN GEJALA SOSIAL NEGERI KELANTAN

DASAR PENCEGAHAN GEJALA SOSIAL

DASAR PENCEGAHAN GEJALA SOSIAL NEGERI KELANTAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

1. PERNYATAAN DASAR

Dasar ini merupakan satu pelan tindakan strategik untuk menangani gejala sosial di negeri Kelantan supaya dapat dibentuk sebuah masyarakat yang makmur dan progresif melalui pencelahan bersepada berteraskan Agama Islam, dan yang merangkumi program-program dan aktiviti aktiviti yang berupaya untuk mencairkan pengaruh-pengaruh risiko dalam masyarakat dan pada masa yang sama mengukuhkan pengaruh-pengaruh yang melindungi ummah dari gejala sosial, berupaya memulihkan individu-individu yang terjebak ke dalam kegiatan salah laku dan mengintegrasikan mereka semula ke dalam masyarakat yang patuh kepada peraturan dan agama. Perencanaan, perlaksanaan, pemantauan dan penilaian semua aktiviti dan program pencegahan gejala sosial di negeri ini hendaklah patuh kepada hasrat ini dan selari dengan garis panduan yang diturunkan dalam kertas dasar ini.

2. MATLAMAT DASAR.

Matlamat dasar ini ialah untuk :

1. Mencegah dan mengawal percambahan dan pemberian masalah sosial di negeri Kelantan melalui pencelahan berdasarkan agama Islam,
2. Membentuk satu sistem sokongan sosial yang kukuh dan berkesan; dan,
3. Meningkatkan dan mengembangkan keupayaan aset sosial masyarakat Kelantan.

3. TANGGUNG-JAWAB ISLAM MENCEGAH GEJALA SOSIAL

3.1 Amal makruf dan nahi mungkar merupakan asas kepada pengajaran Islam.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاوْنَ عَنِ
 الْمُنْكَرِ وَتَوَمُّنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْا إِمَانَ أَهْلَ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ
 مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيقُونَ

١١٦

Maksud ayat 1 10, Surah Ali Imran: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, (kerana) kamu me-nyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar beriman)....."

3.2 Gesaan agama dalam pembentukkan keperibadian muslim sejati, bermula dari diri sendiri, keluarga dan manusia disekelilingnya.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَّافُوا نَفْسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
 مَلَكِكَةٌ غَلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

Firman Allah s.w.t dalam surah Al-Tahrim, ayat 6 yang bermaksud: ".....peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka..... "Dalam surah Al-Syu'ara, ayat 214 Allah berfirman yang bermaksud: "(Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat)".

3.3 Orang-orang yang memil<ul tanggungjawab sosial dengan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah mungl<ar, merupakan golongan yang diberi rahmat oleh Allah s.w.t ,

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِعِصْمِهِمْ أَوْلَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ
 عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْسِمُونَ الْأَصْلَوَةَ وَيُؤْتُونَ الْزَّكَوَةَ وَيَطْبِعُونَ اللَّهَ
 وَرَسُولَهُ أَذِلَّكَ سِيرُهُمْ هُمُ الَّذِينَ إِنَّ اللَّهَ عَنِ يَرْحِكِيمْ

٧١

Allah berfirman dalam surah Al-Taubah, ayat 71 yang bermaksud: "Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan setengahnya menjadi pe-nolong bagi setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijak-sana".

- 3.4 Allah murka kepada orang-orang yang tidak membentersa gejala sosial dengan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

لُعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسْكَانِ دَأْوَدَ وَعَيْسَى أَبْنَ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَذِرُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا يَتَّهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لِيَسْكَ مَا كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٧٩﴾

Firman Allah s.w.t dalam surah Al-Maidah, ayat 78-79 yang bermaksud: "Orang-orang kafir dari Bani Israil telah dilaknat melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Demikian itu ialah kerana mereka menderhaka dan melampaui batas. Mereka saling tidak larang-melarang dari perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruk apa yang mer-eka telah lakukan"

- 3.5 Amaran Allah yang disebut dalam Hadis Nabi saw yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak mengazabkan seseorang yang khusus dengan sebab dosa orang-orang yang umum, sehingga berlaku kemungkaran di hadapan mata mereka, sedangkan mereka berkuasa menegur tetapi mereka tidak mencegah apa yang berlaku di hadapan mata mereka".

Dalam Hadis lain pula, disebut oleh Saidina Abdullah bin Abbas r.a : Rasulullah s.a.w pernah ditanya:"Wahai Rasulullah! Adakah Allah akan membinasakan sesebuah negeri yang terdapat didalamnya orang-orang yang soleh?" Jawab Baginda Rasulullah:"Bahkan akan dibinasakan!" Lalu ditanya lagi: "Kenapakah wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah: "Kerana mereka meringgan-ringankan dari mencegah orang-orang yang berbuat maksiat terhadap Allah s.w.t."

4. STRATEGI DASAR

Strategy dasar ini adalah pencegahan gejala sosial yang belum ia wujud dan rawatan gejala sosial yang sudah wujud berasaskan Islam dan mem-fokus kepada tiga strategi utama berikut:

1. Pengenal pastian dan pengawalan faktor-faktor prajadian (antecedents) dan faktor-faktor risiko gejala sosial,
2. Tindakan renndial, perlindungan dan pengembangan yang berkesan khususnya terhadap individu yang berisiko, dan amnya terhadap semua ahli komuniti, dan

3. Tindakan pengembeligan sumber-sumber komuniti untuk menerajui pencapaian matlamat dasar.

5. RASIONAL DASAR

Dasar ini digubal di atas beberapa landasan seperti berikut :

1. Pencegahan gejala sosial perlu berlandaskan suatu dasar yang merangkumi semua aspek, senang dilaksanakan dan tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi.
2. Dasar pencegahan hendaklah berupaya menangani ketiga-tiga tingkat gejala sosial, iaitu
 - (a) gejala di peringkat primer, ataupun faktor-faktor prajadian (antecedents) yang juga menjadi faktor-faktor risiko ke arah pemberian gejala sosial,
 - (b) gejala-gejala yang merupakan kegiatan-kegiatan salah laku yang lahir sebagai akibat dari kegagalan kita untuk membendung faktor-faktor risiko, dan
 - (c) keadaan-keadaan yang tidak diingini yang lahir dari kegiatan-kegiatan salah laku di (b).
3. Ekoran dari (2) di atas, program-program pencegahan gejala sosial perlu berupaya mengatasi
 - (a) budaya-budaya informal dalam masyarakat, seperti budaya remaja, budaya "menjaga dusun buah-buahan," budaya utamakan hak tetapi mengabaikan tanggungjawab, budaya mengambil "percutian moral," budaya tidak bertindak balas kepada "pelanggaran-pelanggaran kecil,"
 - (b) berbagai bentuk salah laku seperti mengabaikan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat negara dan agama, serta jenayah, sama ada jenayah moral, syariah maupun 'sivil' dan (c) berbagai keadaan bermasalah seperti wabak penyakit, kemiskinan, kecinciran dari sekolah dan pengangguran dan kehilangan hala tuju hidup.
4. Gejala sosial hanya dapat ditangani oleh program-program yang berlandaskan dasar yang juga mempunyai ciri-ciri sosial (kemasyarakatan) dan bukan program yang melihat gejala sosial sebagai masalah peribadi dan individu.

6. PROGRAM

6.1 Strategi-strategi di atas akan diimplementasikan ke dalam empat program sosial berikut :

- 1) Program penjagaan peribadi berkesan
- 2) Program rujukan sosial
- 3) Program kemahiran hidup
- 4) Program berasaskan komuniti

6.1 Program Penjagaan Peribadi Berkesan

- Program pencegahan gejala sosial yang melibatkan sokongan dan bantuan penjagaan peribadi bersemuka kepada individu berisiko oleh "orang dewasa" berkesan / bertanggungjawab.
- Peranan kehadiran orang dewasa berkesan penting kerana ia:
 1. "Menemani" dan menjaga individu berisiko (contoh: kanak-kanak semasa ketiadaan ibu bapa ataupun semasa ketiadaan peranan keibubapaan yang berkesan),
 2. Bertindak sebagai seorang fasilitator kepada individu berisiko,
 3. Menjadi kawan yang mendengar masalah individu berisiko,
 4. Mengawas dan mengawal tingkah laku individu berisiko,
 5. Merawat masalah yang dihadapi oleh individu yang berisiko,
 6. Mensosialisasikan tingkah laku antisosial individu ke arah tingkah laku yang lebih prososial,
 7. Menjadi seorang penghubung atau advocate kepada individu antisosial, terutamanya dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan institusi-institusi komuniti; dan,
 8. Membantu ibu bapa memperkasakan strategi keibubapaan supaya lebih produktif dan positif
- Orang dewasa yang bertanggungjawab dan berkesan ini boleh terdiri daripada golongan profesional seperti kaunselor, ahli psikologi, pekerja sosial, pegawai kebajikan dan guru sekolah dan golongan bukan profesional seperti ahli komuniti, ibu bapa dan pekerja sukarela yang telah dilatih dengan kemahiran-kemahiran khusus sebagai tenaga kerja utama yang akan membantu individu berisiko memperbaiki dan mengubah tingkah laku dan kehidupan mereka. Dari bengkel yang dijalankan,

antara orang dewasa berkesan yang dicadangkan adalah penghulu (*orang tempatan yang dihormati), bilal/guru Al-Quran, orang yang ada kemahiran dan kepakaran khusus, ketua masyarakat @ orang / individu berautoriti dalam komuniti dan ketua sub-kumpulan masa senggang (contoh : juara dikir barat, ketua permainan dam, ketua kedai kopi, kepala "mat motor") dan pesara yang berwibawa.

- Penjagaan peribadi bersemuka ini didapati sangat berkesan kerana hubungan mesra dan membangun (caring relationship) yang terbentuk di antara orang dewasa dan individu berisiko tadi membolehkan individu berisiko:
 1. Meluah dan merawat masalah mereka,
 2. Mempelajari memperkasa aset pengembangan yang dimiliki oleh diri mereka,
 3. Mempelajari meningkatkan kemahiran-kemahiran hidup yang diperlukan,
 4. Menanamkan pelbagai aset sahsiah yang prososial dan positif ke dalam diri mereka,
 5. Belajar bertingkah laku dan yang mengikut jangkaan sosial; dan,
 6. Memperbaiki dan mengukuhkan perasaan dan sikap dipunyai - mempunyai (belongingness), penyertaan (participation) dan memberi sumbangan (contribution) kepada diri sendiri, ahli keluarga, rakan sebaya, sekolah dan komuniti mereka.
- Penjagaan peribadi bersemuka oleh orang dewasa yang berkesan merupakan medium yang berkesan untuk mengukuhkan kepatuhan individu kepada nilai, norma dan peraturan sosial masyarakat. Maka, produk akhirnya adalah ia mampu menapis impak faktor risiko terhadap tingkah laku individu dengan lebih berkesan.

6.2 Program Rujukan Sosial

- Program penjagaan peribadi bersemuka juga mempunyai kelebihan dalam penggunaan penggunaan ruang dan aktiviti. Program ini boleh ditawarkan di dalam pelbagai settings (contoh: di sekolah, di dalam bilik darjah, surau, masjid, ruang fizikal kejiran atau komuniti) yang bertindak sebagai satu pusat rujukan sosial masyarakat setempat)
- Bengkel yang telah dijalankan menghendaki agar masjid dan surau dijadikan sebagai pusat rujukan setempat yang utama dan pusat aktiviti

masyarakat setempat (contoh : aktiviti perjumpaan keluarga qariah, aktiviti masyarakat jejak masjid, skuad ziarah dan dakwah masjid, masjid yang mesra remaja, aktiviti 'rennaja memburu lailatul qadar').

- Selain masjid dan surau, pusat rujukan sosial juga harus dibuka di tempat-tempat kunjungan awam (contoh: pondok / kaunter kaunseling masyarakat, pondokpondok bantuan di pusat membeli-belah).
- Pusat rujukan sosial ini mestilah mudah / senang dituju, mesra-klien, buka sepanjang masa, dipenuhi dengan pelbagai aktiviti prososial dan berfaedah, dilengkapi dengan pelbagai prasarana yang bersesuaian dengan keperluan dan minat individu berisiko,

6.3 Program Kemahiran Hidup Yang Komprehensif

- Kemahiran hidup yang spesifik mampu mengajar individu-individu berisiko, teknik dan strategi untuk menyelesaikan konflik yang dialami dengan lebih berkesan dan rasional, membantu individu membentuk< daya ketahanan diri yang kukuh, mengajar individu sikap bertolak- ansur yang lebih kondusif dalam perhubungan ia dengan individu lain dan membantu individu menjadi seorang individu yang sihat, mampu memberi sumbangan dan menyertai semua aktiviti masyarakat.
- Kemahiran hidup mampu bertindak sebagai faktor pelindung yang melindungi individu agar tidak< menyeleweng dari norma, nilai dan peraturan sosial masyarakat. Keupayaan seperti ini merupakan prasyarat yang penting bagi pembentukan masyarakat yang makmur dan progresif.
- Tiga kemahiran hidup yang mampu melindungi individu berisiko adalah :

1. Kemahiran Interpersonal

- Kemahiran komunikasi berkesan
- Kemahiran membentuk dan mengekalkan hubungan mesra dan membangun dengan individu lain

- Kemahiran kecaknaan / kepedulian masyarakat
- Kemahiran jati-diri
- Kemahiran terhadap ilmu pengetahuan sosial (contoh: pendidikan kesihatan reproduksi sosial dan pendidikan seksual pra-sekolah).

2. Kemahiran Kognitif

Kemahiran pengembangan sahsiah diri :

- a. Kemahiran menyelesa masalah dan membuat keputusan
- b. Kemahiran mengurus dan mengawal diri sendiri
- c. Kemahiran akademik
- d. Kemahiran vokasional
- e. Kemahiran kepekaan dan motivasi kerjaya (contoh: aktiviti bengkel pertukangan, berniaga runcit, katering)

3. Kemahiran Daya-Tindak Mengatasi Tekanan

- Kemahiran daya-tindak mengatasi tekanan, berhadapan dengan pelbagai gejala/ pengaruh negatif.

6.4 Program Pencegahan Yang Berasaskan Komuniti.

- Penawaran program penjagaan peribadi bersemuka dan program kemahiran hidup harus melibatkan penyertaan aktif pelbagai agensi dalam komuniti (community-wide programs)
- Komuniti mempunyai kekuatan untuk menawarkan pelbagai komponen sokongan sosial yang komprehensif untuk setiap ahlinya kerana jaringan sosial dan jaringan agensi dalam komuniti kaya dengan pelbagai sumber formal dan tidak formal (individu, famili, sekolah, organisasi agama, kawasan kejiranan dan organ isasi perniagaan) yang mampu menawarkan pelbagai pendekatan dan pakej sokongan kepada anggota yang memerlukan sokongan.
- Pendek kata, komuniti program pencegahan yang mempunyai pelbagai komponen strategi dan pendekatan adalah lebih berkesan untuk mengubah persekitaran sosial yang berisiko, berbanding dengan program pencegahan yang hanya menggunakan satu strategi atau pendekatan sahaja. Keberkesanannya program pencegahan yang menggunakan pelbagai

strategi atau pendekatan juga mencakupi pelbagai tahap dan keperluan individu berisiko.

- Mewujudkan persekitaran komuniti yang mesra dan penyayang.
- Semua individu dan agensi dalam komuniti berhak dan bertanggungjawab menjaga / melindungi kesejahteraan hidup bersama (contoh: Anak kito, anak demo, Ketua Sepuluh iaitu seorang dewasa berkesan memantau sepuluh rumah)
- Ia melibatkan pelbagai aktiviti sosial (contoh: aktiviti kemasyarakatan, aktiviti agama, aktiviti rekreasi) yang melibatkan semua generasi dalam komuniti.

7. KAPASITI SUMBER

- Keupayaan untuk melaksanakan program bergantung kepada sumber ekonomi dan sumber sosial yang ada.
- Keberkesanan program ini amat bergantung kepada kekuatan dan kapasiti aset sosial yang dimiliki oleh masyarakat Kelantan (iltizam untuk menyelesaikan masalah sosial, ubudiah, kasih-sayang, tegur-menegur, ketaqwaan kepada Allah).

8 PENGENALPASTIAN DAN ANALISIS KEPERLUAN (Needs Identification and Needs Assessment)

- Semua perencanaan program pencegahan gejala sosial di negeri Kelantan yang bernaungkan dasar ini harus didahului oleh proses mengenalpasti dan analisis keperluan di kalangan kumpulan Sasaran program. Langkah ini membolehkan :
 1. Keperluan individu berisiko dinilai, dianalisis (needs analysis) dan diambilkira di dalam pembentukan program yang lebih berkesan,
 2. Mampu membentuk program pencegahan yang sesuai dengan keperluan dan persekitaran sosial individu-individu berisiko, dan
 3. Berupaya untuk melahirkan program "bottom-up" yang memberi rasa keupayaan kepada kumpulan Sasaran dan mendapat sokongan dari mereka.

9. PELAN PENILAIAN DAN PEMANTAUAN

- Pelaksanaan program-program yang dinyatakan di atas perlu dipantau sepanjang masa (continuous monitoring). Pemantauan berterusan ini penting bagi mengukur pencapaian objektif aktiviti-aktiviti program (process objectives). Tempoh pemantauan yang dicadangkan adalah :
 - a) Aktiviti < 6 bulan, bila aktiviti tamat,
 - b) Aktiviti > 6 bulan, setiap 6 bulan
- Agensi Pemantau : Kerajaan, Urusetia Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan, pertubuhan sul yang terlibatt (NGOs), badan swastajawatankuasa Dakwah dan Pembangunan Islam, ADUN, Jawatankuasa Masjid, Pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu wanita berpengaruh, pelerja sukarela.
- Selain pemantauan yang berterusan, keberkesanan program di dalam mengatasi masalah gejala sosial juga perlu dinilai. Penilaian ini penting bagi mengukur adakah strategi-strategi yang digunakan berkesan mencapai objektif jangkamasa pendek (immediate outcomes) dan hasil akhir (final outcomes) program.
- Bagi mengukur dan menilai program yang dijalankan ke atas individu atau kumpulan sosial yang terlibat, penilaian keperluan (needs assessment) dijadikan salah satu kriteria yang amat berkesan.
- Kriteria penilaian adalah tertakluk kepada jenis aktiviti.
- Ukuran-ukuran pencapaian boleh dinilai dari segi sambutan, kehadiran ke program, kehadiran ke masjid, pengurangan statistik gejala sosial, peratusan kejadian gejala sosial.
- Penilaian dan pemantauan juga penting bagi menentukan jangka masa kejayaan dasar (policy successness), pengaplikasiannya ke dalam isu-isu lain (policy duplication) dan penamatannya (policy termination).

10. PELAN OPSYEN DAN PENILAIAN

Prosedur penilaian dan pemantauan membolehkan satu pelan opsyen dan alternatif dibentuk. Pelan ini penting bagi memastikan program "dimodifikasi" mengikut sebarang perubahan yang berlaku di dalam persekitaran sosial kum-pulan sasaran, bajet atau kapasiti sumber atau sebaliknya berlaku "gangguan" dan "ancaman" di dalam strategi.

11. CABARAN

Kejayaan dan keberkesanan program-program pencegahan ini amat bergantung kepada sekurang-kurangnya tiga perkara berikut :

1. Sumber ekonomi yang terhad,
2. Kesukaran untuk membentuk persekitaran komuniti yang mesra dan penyayang.
3. Penyelarasian antara agensi dan jabatan.